

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

ULASAN TAKAFUL MALAYSIA

Pada 2013, Bahagian Takaful Keluarga Malaysia mencatatkan peningkatan 28.3% dalam Sumbangan Diraih Kasar kepada RM268.2 juta (2012: RM209.1 juta), manakala Bahagian Takaful Am mencatatkan kenaikan 41.1% dalam Sumbangan Diraih Kasar kepada RM215.8 juta (2012: RM152.9 juta).

Dana Pemegang Saham MAA Takaful pula mencatatkan Untung Sebelum Cukai ("USC") lebih rendah berjumlah RM13.3 juta (2012: RM16.3 juta), selepas mengambil kira lebih berjumlah RM7.3 juta (2012: RM9.8 juta) yang dipindahkan daripada Dana Takaful Keluarga dan RM1.6 juta (2012: RM6.8 juta) yang dipindahkan daripada Dana Takaful Am.

Dana Takaful Am MAA Takaful mencatatkan Lebihan Sebelum Cukai ("LSC") lebih rendah iaitu sebanyak RM2.9 juta (2012: RM10.1 juta) pada tahun yang dilaporkan. LSC lebih rendah diperolehi terutamanya kerana manfaat dan tuntutan takaful bersih yang lebih tinggi, perbelanjaan yuran wakalah yang meningkat, dan peruntukan kecil yang dibuat bagi kerugian rosot nilai penghutang insurans.

Dana Takaful Keluarga MAA Takaful juga mencatatkan LSC lebih rendah berjumlah RM10.1 juta (2012: RM12.3 juta) sebelum pemindahan lebihan berjumlah RM7.3 juta (2012: RM9.8 juta) kepada Dana Pemegang Saham. LSC lebih rendah disebabkan oleh manfaat dan tuntutan takaful bersih yang lebih tinggi, dan perbelanjaan yuran wakalah pada tahun yang dilaporkan. Seperti yang diperuntukkan dalam Akta IFSA, lembaga pengarah MAA Takaful telah meluluskan pengagihan lebihan Dana Takaful Keluarga berjumlah RM14.5 juta (2012: RM19.6 juta). Pengagihan ini dikongsi secara saksama antara syarikat (sebagai pengendali) dan peserta Takaful menurut dasar pengagihan lebihan MAA Takaful.

MAA Takaful menjangkakan persekitaran operasi di dalam sektor Takaful kekal positif, walaupun menghadapi cabaran daripada penggubalan IFSA dan perubahan peraturan lain yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi, dan perkongsian kerugian mandatori daripada Insurans Kenderaan Berkelompok Malaysia seperti yang ditetapkan oleh BNM, dengan tarikh pelaksanaan efektif telah ditangguhkan dari 2013 dan masih lagi belum diumumkan.

Namun begitu, MAA Takaful akan meneruskan usaha dan langkah untuk mengoptimalkan proses dalaman dengan sistem baru yang disusun dan penambahbaikan sistem, pelancaran produk inovatif baru untuk memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat, meluaskan asas pelanggan, mendapatkan tenaga agensi yang berkualiti dan produktif bagi menyediakan tahap profesionalisme dan perkhidmatan lebih baik kepada pemegang polisi, dan menubuhkan cawangan dan saluran pengedaran baru, untuk menjamin kejayaan jangka panjang bahagian ini.

ULASAN UNIT AMANAH MALAYSIA

Pada 2012, Industri Unit Amanah Malaysia terus berkembang dengan peningkatan Nilai Aset Bersih ("NAB") dana di bawah pengurusan sebanyak 13.8% kepada RM335.5 bilion (2012: RM294.9 bilion), mengatasi Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur yang meningkat sebanyak 10.5%.

Pada akhir Disember 2013, dana di bawah pengurusan oleh MAAKL Mutual berjumlah dua puluh enam (26). Pada tahun yang dilaporkan, jumlah NAB dana unit amanah di bawah pengurusan MAAKL Mutual meningkat sebanyak 20.2% daripada RM2.18 bilion pada akhir Disember 2012 kepada RM2.62 bilion pada akhir Disember 2013. Pada akhir Disember 2013, MAAKL Mutual berada di tangga kesembilan dari segi bahagian pasaran di kalangan 41 Syarikat Pengurusan Unit Amanah di Malaysia.

Pada akhir Disember 2013, tenaga agensi MAAKL Mutual berjumlah 1,301 ejen (2012: 1,538 ejen).

Pada tahun yang dilaporkan, MAAKL Mutual terus memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan dengan USC RM4.1 juta (2012: RM2.5 juta), yang diraih daripada peningkatan dalam pendapatan perkhidmatan awal dan yuran pengurusan berjumlah RM46.3 juta (2012: RM38.0 juta).

Dana MAAKL Mutual mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun yang dilaporkan, dengan penerimaan 4 anugerah di Anugerah Dana The Edge-Lipper Malaysia 2014 bagi dua (2) dana, iaitu "Aset Bercampur 3-tahun dan 5-tahun - Fleksibel" bagi Dana Flexi MAAKL-HW, dan "Aset Bercampur 3-tahun dan 5-tahun - Fleksibel (Islam)" bagi Dana Syariah Flexi MAAKL-CM.

Pada 31 Disember 2013, Kumpulan bersama vendor MAAKL Mutual yang lain melupuskan seluruh modal terbitan dan membayar syarikat kepada Manulife untuk jumlah pertimbangan RM96.5 juta ("Pertimbangan Jual"), yang diperolehi atas dasar 'pembeli sukarela-penjual sukarela'.

ULASAN INSURANS ANTARABANGSA

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), bahagian insurans dan pelaburan luar pesisir Kumpulan yang beroperasi di Labuan, mencatatkan Rugi Sebelum Cukai ("RSC") berjumlah RM8.2 juta, (2012: USC RM10.2 juta). RSC pada tahun yang dilaporkan sebahagian besarnya disebabkan peruntukan yang dibuat bagi kerugian rosot nilai atas pendahuluan yang diberikan kepada Perniagaan Insurans Am di Indonesia (sebelum penghapusan peringkat kumpulan) untuk menampung perbelanjaan perniagaan sambil menunggu operasi ditamatkan. Keuntungan pada 2012 timbul terutamanya daripada penepian hutang RM14.9 juta yang dicatatkan oleh Dana Insurans Am di bawah Perjanjian Komutasi Persewaan Insurans Semula Am yang dimeterai dengan MAA Assurance pada 2011.

Pada tahun yang dilaporkan, Perniagaan Insurans Am di Filipina memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan dengan USC RM1.5 juta (2012: RM3.0 juta). Untung lebih rendah pada 2013 terutamanya disebabkan nisbah tuntutan lebih tinggi sebanyak 59.8% (2012: 52.1%), secara khususnya daripada kelas perniagaan motor dan kebakaran berikutan beberapa bencana taufan yang melanda Filipina pada tahun yang dilaporkan.

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

(bersambung)

Pada 2013, bahagian Insurans Am di Indonesia mencatatkan keputusan negatif bagi Kumpulan dengan RSC RM28.1 juta (2012: RM27.1 juta). Kerugian lebih tinggi disebabkan oleh kesan menampung kos perniagaan berterusan selepas tidak lagi menaja jamin perniagaan baru dan pembaharuan, pemulangan premium bagi polisi dibatalkan, kerugian rosot nilai bagi penghutang insurans dan peruntukan bagi belanja pemberhentian tenaga kerja, yang sebahagiannya diimbangi oleh pelepasan Tuntutan yang Ditanggung Tetapi Belum Dilaporkan pada tahun dilaporkan.

Pada tahun yang dilaporkan, anak syarikat Insurans Am di Indonesia telah mengemukakan rancangan rundingan tuntutan dengan pihak yang membuat tuntutan dan penginsurans semula kepada pihak berkuasa insurans tempatan untuk persetujuan mereka. Ini adalah sebagai sebahagian daripada rancangan penyelesaian untuk perniagaan dan menjamin daya maju entiti. Rancangan rundingan tuntutan masih lagi sedang diusahakan pada tarikh laporan ini.

ULASAN PEMBIAYAAN GADAI JANJI AUSTRALIA

Syarikat bersekutu milik 49% Kumpulan di Australia, Columbus Capital Pty Ltd ("CCAU") yang terlibat dalam perniagaan pinjaman gadai janji runcit dan pensukuritan hutang, mencatatkan USC RM3.4 juta pada tahun yang dilaporkan, lebih baik berbanding RSC sebanyak RM9.1 juta yang dicatatkan pada 2012. Untung diperolehi terutamanya daripada hasil faedah lebih tinggi daripada pemerolehan Portfolio Asal gadai janji perumahan bernilai kira-kira AUD2.2 bilion pada September 2012, disokong oleh margin faedah kasar daripada purata 3.6% pada 2012 kepada 8.4% pada tahun yang dilaporkan.

Namun begitu, Columbus akan terus menguruskan portfolio gadai janji sedia ada secara aktif dengan pra penetapan harga faedah dengan matlamat meningkatkan margin faedah dan pada masa yang sama cuba mencari peluang menambah portfolio untuk mengembangkan operasinya.

Kumpulan berhasrat untuk meningkatkan kepentingan ekuiti dalam CCAU, menjadikannya sebuah anak syarikat bagi bagi memanfaatkan sumbangan keuntungannya. Untuk tujuan itu, CCAU telah mengemukakan permohonan kepada Lembaga Penilaian Pelaburan Asing ("FIRB") Australia pada 6 November 2013 untuk mendapatkan kelulusan bagi Syarikat meningkatkan kepentingan dalam CCAU kepada sehingga 55%. Setakat ini, permohonan masih menantikan keputusan FIRB.